



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM USAHAWAN BELIA PENGAJIAN
TINGGI BALIK KAMPUNG (U2Desa)**

**DEWAN TUNKU CANSELOR (DTC), UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

**16 MEI 2017 (SELASA)
WAKTU KETIBAAN : 4.00 PETANG**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

SALUTASI

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan perkenan dan izin-Nya dapat kita berhimpun di Majlis Pelancaran Program Usahawan Belia Pengajian Tinggi Balik Kampung atau nama ringkasnya; U2Desa, di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya pada hari penuh berbahagia ini.

Saya ingin mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kehadiran semua dif-dif Kehormat dan jemputan terutamanya kepada rakan-rakan strategik KKLW dari Kementerian Pendidikan Tinggi, Universiti Malaya, Universiti Kuala Lumpur, Agensi-agensi Pusat, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah KKLW, wakil-wakil Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), badan-badan NGO, rakan-rakan media dan khususnya pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi UniKL dan UM yang merupakan peserta Program U2Desa. Terima kasih juga kepada hadirin sekalian yang dapat hadir bersama pada petang ini bagi menyokong pelaksanaan program ini.

Tuan-Tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian,

1. Luar bandar yang maju dengan segala kemudahan prasarana seperti di bandar; masyarakatnya yang sejahtera dan berpendapatan tinggi adalah Visi dan objektif utama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). “Membandarkan Luar Bandar” bukan semata-mata slogan sahaja tetapi kompas atau hala tuju dan sasaran KKLW dalam perancangan dan pembangunan desa. Luar bandar yang persekitarannya lestari, ekonomi berdaya maju dan mampan yang dapat melonjakkan setiap rakyat luar bandar ke tahap pendapatan yang lumayan dan tinggi bukan mimpi tetapi boleh dan akan tercapai sekiranya perancangan dan pelaksanaan inisiatif pembangunan dilakukan dengan komprehensif, teliti dan komitmen tinggi semua pihak; Kerajaan dan Rakyat.

2. Oleh itu, idea dan konsep Program Usahawan Belia Pengajian Tinggi Balik Kampung (U2Desa) diilhamkan sebagai inisiatif dan strategi baharu KKLW yang akan melibatkan pelajar keusahawanan dari institusi pengajian tinggi. Usaha

Kerajaan ini bertujuan membangun ekonomi luar bandar dengan membolehkan pelajar mempraktikkan pengetahuan yang dipelajari bagi menghasilkan rancangan perniagaan (Business Plan) yang bukan sahaja berinovasi tetapi juga viable, mampan dan berimpak tinggi. Dengan pengetahuan, tunjuk ajar dan bimbingan yang rapi yang diperolehi daripada pensyarah keusahawanan dan mentor IPT bawah Program U2Desa, generasi muda lepasan pengajian tinggi akan lebih bersedia menceburi dan menghadapi cabaran di dunia keusahawanan yang kompetitif disebabkan globalisasi dan liberalisasi. Saya juga berharap dengan sokongan dan bimbingan dari IPT dan Kerajaan, projek keusahawanan yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar yang seramai 2,000 dalam U2Desa iaitu 1,000 dari UniKL dan 1,000 dari UM atau UMEC akan berdaya saing dan berdaya tahan dan peserta U2Desa dibentuk menjadi tekno-usahawan yang berkaliber di era digital ini yang tanpa sempadan.

3. Keunikan dan impak penting dari Program U2Desa adalah KKLW ingin menggalak dan membentuk usahawan belia pengajian tinggi balik kampung dan kekal di kampung masing-masing bagi mengusahakan perniagaan dan seterusnya memainkan peranan utama dalam pembangunan kampung dan desa. Saya percaya bahawa kita semua ada sentimen dan perasaan cinta kepada kampung kita dan kebanggaan asal-usul kita akan kukuhkan azam dan komitmen kita untuk menentukan desa atau kampung kita akan maju dan sejahtera. Juga, "who better" atau siapa yang lebih tahu keperluan dan kelebihan termasuk sumber-sumber sedia ada kampung kita sendiri; jika bukan kita yang merupakan anak kampung sendiri. Itulah yang KKLW harapkan dari program U2Desa; keazaman saudara-saudari yang merupakan Kumpulan Perintis U2Desa yang akan terlibat secara langsung sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi untuk membangun luar bandar bersama-sama dengan Kerajaan demi merealisasikan kemajuan dan kesejahteraan desa. Ini kerana, penglibatan dan komitmen generasi muda dalam pembangunan negara terutamanya luar bandar adalah amat penting bagi menentukan idea baru, kreativiti, inovasi serta daya tahan diterokai dan dijanakan yang juga berkemampuan menangani cabaran-cabaran globalisasi dan liberalisasi. Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan SYABAS kepada setiap orang dari 2,000 pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Malaya (UM) yang menyertai Program U2Desa. Saya difahamkan sambutan pelajar dari kedua-dua IPT amat baik dan bilangan sebenarnya yang ingin menyertai program U2Desa adalah lebih dari 2,600 orang.

4. Kepada 2,000 pelajar pengajian tinggi UniKL dan UM dalam program U2Desa, saya menawarkan peluang bagi saudara-saudari melaksanakan peranan untuk membina halaman desa dan masa depan cerah bagi anak-anak menjelang 2050; di mana tiada perbezaan antara luar bandar dan bandar dari segi kemajuan dan ekonomi selain kemudahan yang lengkap. Hasrat ini juga telah diketengahkan oleh belia semasa sesi dialog TN50 dengan belia di sini dan di Kuala Terengganu. KKLW bertekad untuk menyediakan segala kemudahan dan prasarana fizikal seperti jalan,

bekalan air dan letrik termasuk talian komunikasi seperti internet, tetapi walaupun Kerajaan boleh menyediakan pelbagai kemudahan dan insentif, pengembangan dan kemajuan ekonomi bergantung kepada penduduk di desa sendiri terutamanya usahawan-usahawan untuk menjana aktiviti ekonomi yang berdaya saing dan berdaya tahan. Dalam aspek ini, saudara-saudari boleh menjadi akitek pembangunan kampung masing-masing dimana kanak-kanak atau belia tidak lagi perlu berhijrah ke bandar untuk kemudahan sebab luar bandar akan menjadi “Bandar baru” menjelang 2050.

5. Selain membawa semangat dan tenaga muda, dinamisme ke kampung, saya berharap saudara-saudari akan menggunakan dan mempraktikkan ilmu keusahawanan, pengurusan, teknologi terkini termasuk ICT dan kreativiti untuk mentransformasi kampung masing-masing kepada kampung lestari dan desa lestari umumnya, dalam Abad ke-21 ini. KKLW mula melaksanakan Program Desa Lestari semenjak tahun 2013 dimana koperasi bawah JKKK kampung dibantu dan dibimbing menjalankan projek-projek perniagaan bagi meningkatkan pengupayaan penduduk kampung dalam merancang serta menjayakan pelaksanaan projek pembangunan di kampung. Kerajaan bertujuan memperkasa aktiviti ekonomi dan keusahawanan penduduk kampung melalui Koperasi dengan membuka peluang pekerjaan baru dan perniagaan bagi meningkat pendapatan penduduk.

6. Penglibatan belia kampung dalam projek-projek keusahawanan kampung bukan sahaja merupakan syarat wajib dalam program Desa Lestari tetapi adalah juga amat penting bagi menentukan projek-projek yang dirancang koperasi JKKK berdaya maju dan berdaya tahan. Oleh demikian, saya percaya Program U2Desa akan dapat menentukan pencapaian matlamat program Desa Lestasi apabila peserta-peserta U2Desa berkerjasama dengan JKKK untuk merancang projek perniagaan yang berdaya maju untuk meningkatkan ekonomi kampung.

Tuan-tuan, Puan-puan, saudara-saudari

7. Merujuk kepada Laporan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, kawasan luar bandar meliputi hampir 75 peratus daripada keluasan negara dan peratusan penduduk yang tinggal di luar bandar telah menurun daripada 29.1 peratus pada tahun 2010 kepada 26.3 peratus pada tahun 2014. Ini menunjukkan kadar penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar meningkat saban tahun khususnya melibatkan penghijrahan golongan muda dan belia. keadaan ini amat membimbangkan Kerajaan. Selaras dengan Pelan Transformasi Luar Bandar untuk membandarkan Luar Bandar, dibawah Fokus 3, iaitu Meningkatkan pendapatan isi rumah penuduk luar bandar sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Empat Ribuan sebulan menjelang tahun 2020. Pembangunan Belia Luar Bandar telah dirangka khusus dengan pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi menggalakkan generasi muda untuk terus tinggal dan membina masa hadapan di luar bandar. Inisiatif U2Desa akan menyumbang kepada usaha Kerajaan untuk mengekalkan belia di luar bandar

dari berhijrah ke bandar untuk perkerjaan atau peluang, yang juga makin mencabar dan berkurangan.

8. Matlamat ketiga yang sama penting bagi Program U2Desa adalah supaya jaringan kerjasama dan sinergi akan dibentuk antara pelajar IPT atau generasi muda dengan penduduk kampung terutamanya Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK/P). Adalah kebiasaannya belia-belia di kampung kurang bergaul dengan warga yang berumur terutamanya dalam hal pembangunan kampung dan sebagainya. Syarat kepada peserta U2Desa adalah peserta hendaklah berhubung dan berkerjasama dengan JKKK kampung masing-masing untuk melakukan kajian profiling dan mengenalpastikan sumber-sumber dan potensi di kampung yang boleh diterokai dan diusahasama sebagai perniagaan yang viable atau berdaya maju. Ini akan menentukan sumber-sumber semulajadi sedia ada di luarbandar yang berpotensi dioptimumkan untuk dimajukan dalam bidang perniagaan.

Tuan-Tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Bagi menentukan objektif program U2Desa tercapai, KKLW telah menjalinkan kerjasama secara NBOS (National Blue Ocean Strategy) dengan dua (2) buah Institusi Pengajian Tinggi tempatan iaitu Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Malaya (UM) sebagai projek perintis di bawah pengembangan program ekonomi luar bandar iaitu Program Desa Lestari. UniKL merupakan sebuah universiti teknikal terkemuka yang ditubuhkan di bawah anak syarikat milik penuh Majlis Amanah Rakyat (MARA), pada masa ini terdapat 14 institut cawangan UniKL di seluruh negara. Teknoputra UniKL berperanan untuk memupuk dan membangunkan keusahawanan di kalangan pelajar dengan memberi galakan kepada para pelajar untuk memulakan perniagaan semasa pengajian dan meneruskan perniagaan itu selepas tamat pengajian. Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh UniKL bagi membantu pelajar memulakan perniagaan seperti program GENESIS, E-Scholar, Kem Tunas Usahawan, Nasi Lemak Teh O (program jaringan usahawan) serta Pertandingan Perniagaan.

10. Manakala, Universiti Malaya yang merupakan universiti penyelidikan premier dan berada dalam kelas yang tersendiri di ranking ke-59 universiti terbaik di Asia juga telah menubuhkan Pusat Keusahawanan Universiti Malaya (UMEC) bagi membentuk budaya, mengurus, mencipta dan mengembangkan semua aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan mampan keusahawanan pelajar. UMEC juga bergerak aktif dalam menyediakan platform membangunkan kemahiran keusahawanan dengan menganjurkan seminar, bengkel, kursus dan pertandingan keusahawanan di peringkat universiti dan antarabangsa. Antara projek-projek yang telah disediakan oleh UMEC kepada para pelajar UM adalah seperti UMEC FoodBox, UMEC AgroBox, Online Business Academy (OBAC), UMEC MechanicBox dan Mobile Apps Academy (MAPAC).

11. Justeru itu, pemilihan kedua-dua universiti ini sebagai perintis kepada Program U2Desa adalah bertepatan dengan kesediaan dan komitmen sedia ada pengurusan tertinggi dan pengajar kedua-dua IPT bersama-sama pelajar-pelajar untuk menjayakan agenda pembangunan keusahawanan belia pengajian tinggi di luar bandar. Kesemua pelajar ini akan ditugaskan untuk balik ke kampung dan menjalankan kajian profiling dengan kerjasama pihak JKKK di kampung masing-masing. Peserta seterusnya akan menyediakan Rancangan Perniagaan (Business Plan) berasaskan sumber-sumber sedia ada di kampung berkenaan. Rancangan Perniagaan ini seterusnya akan dinilai oleh panel penilai dari KKLW, agensi-agensi kerajaan berkaitan, pihak universiti dan institusi-institusi kewangan semasa sesi business pitching. Rancangan Perniagaan yang berpotensi dan berdaya maju untuk dikembangkan akan diberi dana permulaan perniagaan (seed fund) melalui entiti koperasi kampung sebagai pelaksana untuk menjalankan projek keusahawanan berkenaan.

Tuan-Tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Saya berasa amat gembira bila dimaklumkan program ini mendapat sambutan dan komitmen yang memberangsangkan daripada kedua-dua universiti berkenaan dengan lebih dari 2000 orang pelajar yang telah mendaftar di bawah program pengajian keusahawanan IPT desa di universiti masing-masing. Dari jumlah ini, sebanyak 400 kumpulan akan menjalankan kajian profiling di 400 kampung dimana Rancangan Perniagaan akan disediakan. Saya percaya kesemua pelajar yang terlibat di dalam program ini akan pelajari dan memperolehi pengalaman yang amat bernilai dari program U2Desa dan dengan itu berpotensi untuk menjadi usahawan-usahawan muda yang mampu bertindak sebagai pemangkin dan pencetus ekonomi bersama-sama Kerajaan untuk mentransformasikan desa supaya lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan yang baharu akan diwujudkan bagi penduduk desa.

Tuan-Tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Oleh itu, dengan penuh harapan dan berbesar-hati, saya ingin mengucapkan tahniah dan ucapan selamat melaksanakan tugas dan kajian kepada semua peserta yang terpilih menyertai program ini. Lanjutan dari pelancaran program, kesemua peserta akan pulang ke kampung masing-masing untuk menjalankan kajian di kampung masing-masing.

14. Kepada para pimpinan di peringkat kampung khususnya JKKK yang akan menyambut ketibaan peserta-peserta yang juga merupakan anak-anak kampung, dipohon menerima pelajar-pelajar ini dengan hati yang terbuka dan memberikan segala kerjasama dan bantuan yang sewajarnya dalam usaha murni mereka untuk mengenalpasti sumber semulajadi yang ada dan berpotensi untuk dimajukan. Kemampuan para peserta menyediakan kertas kajian profiling dan cadangan

rancangan perniagaan yang komprehensif, mantap dan feasible amat bergantung kepada kesediaan dan kerjasama daripada penduduk kampung dan pihak JKKK untuk bersama-sama memajukan kampung masing-masing.

15. Kepada para peserta pula, suka untuk saya memberi nasihat dan peringatan untuk tidak meninggi diri tetapi bersedia untuk mendengar dan memahami isu-isu ketika berada di kampung semasa menjalankan kajian dan mengilhamkan rancangan perniagaan yang kreatif berdasarkan hasil kajian. Sekiranya terdapat mana-mana peserta yang menghadapi sebarang kerumitan sepanjang menjalankan kajian atau memerlukan maklumat berkaitan dasar dan program KKLW, pejabat Pengarah Negeri KKLW, Agensi-agensi kerajaan terutamanya di bawah KKLW seperti KEMAS dan Lembaga Kemajuan Wilayah di peringkat negeri dan daerah sentiasa bersedia pada setiap masa untuk menghulurkan maklumat, bantuan khidmat nasihat dan bimbingan yang sewajarnya.

16. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua rakan strategi serta Kementerian lain atau Agensi Pusat yang telah memberi kerjasama dan sokongan kepada hasrat Kerajaan dan KKLW keatas pencapaian Program U2Desa. Tidak lupa kepada Universiti Malaya yang sudi membenarkan penggunaan Dewan Tunku Canselor bagi menjayakan Majlis pada petang ini, sekali lagi ucapan terima kasih. Harapan saya semoga pelaksanaan program ini akan berjalan lancar dan berjaya menghasilkan outcome serta impak yang tinggi daripada sudut pembangunan luar bandar secara keseluruhan.

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya melancarkan Program Usahawan Belia Pengajian Tinggi Balik Kampung (U2Desa). Selamat balik kampung kepada para peserta U2Desa dan semoga kita semua dapat menentukan pencapaian matlamat murni program iaitu mentransformasi halaman kampung tercinta kita kepada desa Abad Ke-21.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.